

Konvoi berbasikal sebar keceriaan

- [Berita Wilayah](#)

Feb 16, 2015



Seramai 5000 orang penunggang basikal tanpa mengira perbezaan kaum, usia dan pangkat, turut bersama- sama memeriah kan Program Konvoi Berbasikal 1 Wilayah Persekutuan 2015 ini

PUTRAJAYA – Perkarangan Istana Kehakiman dibanjiri hampir 5,000 peserta yang turut bersama- sama memeriahkan Program Konvoi Berbasikal 1 Wilayah Persekutuan 2015.

Program Konvoi Berbasikal 1 Wilayah Persekutuan 2015 telah dirasmikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor diiringi oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Loga Bala Mohan, Ketua Setiausaha YBhg. Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan dan Presiden Perbadanan Putrajaya, YBhg. Tan Sri Dato’ Sri Dr. Aseh Che Mat.



Tengku Adnan

Tengku Adnan dalam ucapannya berkata, aktiviti sebegini akan diperbanyakkan lagi di masa hadapan supaya Putrajaya menjadi tumpuan bukan sahaja oleh penduduknya, malah mereka yang menetap di luar Putrajaya.

“Penganjuran program ini selari dengan slogan sambutan Hari Wilayah pada tahun ini iaitu “Wilayahku Ceria” dan bagi mencapai visi itu, kita haruslah mengamalkan gaya hidup sihat dan bebas dari sebarang tekanan.

“Program sebegini juga memberi peluang kepada kita semua bagi merapatkan hubungan silaturrahim, disamping menjadi lebih sihat dan ceria.” katanya.

Para peserta yang berkumpul seawal jam 6 pagi, telah dilepaskan oleh Tengku Adnan dari Dataran Putrajaya pada pukul 8 pagi dan berakhir di tempat yang sama pukul 12 tengahari.



Suhana

Peserta program, Suhana Mokhtar, 36, yang menetap di Rawang, Selangor berkata, aktiviti sebegini memang sentiasa dinanti- nantikan oleh penunggang basikal dari seluruh negara.

“Saya berharap program sebegini diadakan lebih kerap dan pada masa akan datang mungkin pihak penganjur boleh menyediakan T- Shirt dan medal dengan mengenakan sedikit bayaran kepada peserta.” katanya.

Suhana yang merupakan ahli Team High Performance Cycling (HPC) turut menyatakan bahawa majoriti penunggang basikal sangat bersemangat untuk menyertai aktiviti – aktiviti sebegini kerana selain dapat berjumpa dengan penunggang lain dari serata Malaysia, ianya juga dapat menyihatkan badan.

Selain acara kayuhan santai, acara cabutan bertuah juga turut diadakan dengan menawarkan hadiah berupa sebuah basikal yang berharga RM4 200 sebagai hadiah utama dan sebanyak 50 barangan lain sebagai hadiah sampingan.

Program yang merupakan anjuran kali ke 4 oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) turut mendapat kerjasama dari Perbadanan Putrajaya (PPj), Persatuan Berbasikal Kuala Lumpur (PBKL) dan dibantu oleh Pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) serta Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA).



Tengku Adnan sempat beramah mesra dengan para peserta sebelum kayuhan santai bermula



Kayuhan dimulakan sebaik sahaja Tengku Adnan membunyikan hon tanda pelepasan.



Para peserta kayuhan santai kelihatan sangat bersemangat sebaik dilepaskan